



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 7 TAHUN 2010**

PEMBEKUAN PERMOHONAN LESEN BARU BAS EKSPRES

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH: JUN 2010

Semua Pengusaha Bas Ekspres Semenanjung Malaysia.

PEMBEKUAN PERMOHONAN LESEN BARU BAS EKSPRES

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pembekuan permohonan lesen baru bas ekspres daripada pengusaha-pengusaha bagi perkhidmatan ekonomi, eksekutif dan perdana.

LATAR BELAKANG

2. Sehingga 31 Disember 2009, LPKP telah mengeluarkan 4,482 lesen bas ekspres kepada 214 pengusaha bas ekspres di Semenanjung Malaysia.
3. Pada tahun 2006, LPKP telah membekukan permohonan baru lesen bas ekspres untuk tiga (3) laluan tepu iaitu Kuala Lumpur - Kota Bharu, Kuala Lumpur – Butterworth dan Kuala Lumpur – Johor Bahru.
4. Bagi menentukan penawaran perkhidmatan bas ekspres yang memenuhi permintaan, satu kajian keperluan bas ekspres perlu dilaksanakan. Kajian ini bertujuan menentukan dan memperakukan jumlah lesen yang perlu dikeluarkan oleh agensi untuk memenuhi permintaan yang diramalkan bagi perkhidmatan bas ekspres di seluruh Negara.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

5. Pembekuan ini juga bagi membolehkan pengusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan sedia ada dengan memberi penekanan kepada keselesaan dan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti melaksanakan Kod Amalan *Safety, Health and Environment (SHE)*, penggunaan *Global Positioning System (GPS)*, *speed limiter*, *e-ticketing* dan sebagainya.

KEPUTUSAN LEMBAGA

6. LPKP dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 18 bertarikh pada 12 Mei 2010 telah meluluskan pembekuan permohonan lesen baru bas ekspres daripada pengusaha-pengusaha bagi perkhidmatan ekonomi, eksekutif dan perdana.

7. Walau bagaimanapun, Lembaga akan mempertimbangkan permohonan daripada pengusaha-pengusaha sedia ada bagi tambahan atau ubah laluan.

TARIKH KUATKUASA

8. Arahan pekeliling pembekuan permohonan lesen baru bas ekspres mula berkuatkuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

11 JUN 2010

Salinan:

Ketua Pengarah
Jabatan Pengangkutan Jalan,
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,
62502 PUTRAJAYA.

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik
Cawangan Trafik
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR

Ketua Pegawai Eksekutif
PUSPAKOM, Wisma DRB HICOM
No. 2, Jalan Usahawan U1/8
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Edaran Dalaman:

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

KPPK (D)

KPP (L)

KPP (K)

**Sila tampal pekeliling ini
pada papan kenyataan
di pejabat LPKP Wilayah.**

PP (R)